

POLISI INSURANS PEMBANTU RUMAH DOMESTIK

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran premium seperti yang ditentukan dalam Jadual dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Permohonan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak Anda pada atau semasa penyerahan Borang Permohonan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini berkuatkuasa. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan pihak Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Anda, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini merangkumi terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Anda (Pegambil Insurans) dan pihak Kami (Etiqa General Insurance Berhad). Polisi ini melindungi pekerja, kemudian dari ini dirujuk sebagai Orang Yang Diinsuranskan, yang bekerja sebagai pembantu rumah dengan Pegambil Insurans.

SEKSYEN 1 – KEMALANGAN DIRI

Tertakluk kepada terma-terma seksyen ini, Kami akan membayar Manfaat Kematian atau Manfaat Hilang Upaya Kekal kepada Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadinya yang sah dan Manfaat Perbelanjaan Perubatan kepada Pegambil Insurans jika dalam Tempoh Insurans, Orang Yang Diinsuranskan yang namanya dinyatakan dalam Jadual mengalami kecederaan badan disebabkan oleh keganasan luaran dan jelas, dan tidak disengajakan secara langsung dan bebas daripada apa-apa sebab lain dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar, yang mengakibatkan kematian atau Hilang Upaya Kekal atau perbelanjaan yang ditanggung sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual.

Pembayaran di bawah Manfaat Hilang Upaya Kekal akan merupakan peratusan yang ditetapkan dalam Skala Hilang Upaya Kekal.

SKALA HILANG UPAYA KEKAL

1. Hilang upaya menyeluruh dan kekal akibat melaksanakan atau menyertai apa-apa pekerjaan	100%
2. Buta menyeluruh dan tidak boleh pulih pada kedua-dua belah mata	100%
3. Buta menyeluruh dan tidak boleh pulih pada sebelah mata dan hilang sebelah tangan atau sebelah kaki	100%
4. Buta menyeluruh dan tidak boleh pulih pada sebelah mata	50%
5. Hilang kedua-dua belah tangan atau kaki atau sebelah tangan dan sebelah kaki	100%
6. Hilang sebelah tangan atau sebelah kaki	50%
7. Hilang pendengaran atau pertuturan	50%
8. Hilang pendengaran pada sebelah telinga	15%
9. Hilang tangan pada paras bahu	75%
10. Hilang tangan di bawah paras bahu	65%
11. Hilang kaki pada paras punggung	75%
12. Hilang kaki di bawah paras punggung	65%
13. Hilang ibu jari (kedua-dua falanks)	25%
14. Hilang ibu jari (satu falanks)	10%
15. Hilang jari telunjuk (tiga falanks)	10%
16. Hilang jari telunjuk (dua falanks)	8%
17. Hilang jari telunjuk (satu falanks)	4%
18. Hilang jari yang selain ibu jari atau jari telunjuk	5%
19. Hilang jari yang selain ibu jari atau jari telunjuk	5%
20. Hilang mana-mana jari kaki lain	1%

Apa-apa hilang upaya separa kekal yang tidak dinyatakan di atas selain hilang deria rasa dan bau - peratusannya akan ditaksir oleh Kami setelah berunding dengan penasihat perubatan Kami. Kami mempunyai budi bicara mutlak untuk mengguna pakai peratusan hilang upaya yang pada pendapat Kami tidak bercanggah dengan skala di atas tanpa mengambil kira pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan.

PERUNTUKAN KHAS SEKSYEN 1

- "Hilang" anggota tangan atau kaki atau sebahagian daripadanya bermaksud hilang akibat amputasi atau hilang penggunaan secara menyeluruh dan kekal.
- Jumlah keseluruhan yang perlu dibayar bagi Hilang Upaya Kekal tidak akan melebihi jumlah diinsuranskan yang ditetapkan di bawah Seksyen 1 di dalam Jadual.
- Jumlah keseluruhan yang perlu dibayar bagi Hilang Upaya Kekal berkaitan dengan kecederaan lebih daripada satu bahagian anggota tangan atau kaki atau sebahagian daripadanya tidak akan melebihi jumlah yang perlu dibayar berkaitan dengan kecederaan seluruh anggota tangan atau kaki itu atau sebahagian daripadanya.
- Pembayaran akan hanya dibuat di bawah Manfaat Kematian atau Manfaat Hilang Upaya Kekal sahaja dan tidak kedua-duanya.
- Pembayaran sama ada Manfaat Kematian ataupun jumlah maksimum Manfaat Hilang Upaya Kekal akan bermula daripada tarikh kemalangan dan akan melepaskan Kami daripada apa-apa tuntutan lain di bawah seksyen ini kecuali perbelanjaan yang perlu ditanggung di bawah Manfaat Perbelanjaan Perubatan yang timbul daripada kemalangan yang sama. Semua kerugian lain yang lebih kecil daripada seratus peratus (100%) jika telah dibayar akan mengurangkan perlindungan sebanyak jumlah tersebut dari tarikh berlakunya kemalangan sehingga tamatnya tempoh Polisi ini.
- Pembayaran bagi tuntutan sah di bawah Manfaat Kematian akan dibuat kepada waris Orang Yang Diinsuranskan.

SYARAT KHAS SEKSYEN 1

1. Pengambil Insurans hendaklah memberikan notis bertulis serta-merta kepada Kami tentang apa-apa penyakit atau kecacatan fizikal atau keuzuran Orang Yang Diinsuranskan yang diketahui oleh Pengambil Insurans dan hendaklah membayar apa-apa premium tambahan yang mungkin dikehendaki oleh Kami.
2. Insurans ini tidak terpakai kepada Orang Yang Diinsuranskan yang telah mencapai umur enam puluh lima (65) tahun.
3. Notis bertulis mestilah diberikan kepada Kami dengan serta-merta tentang apa-apa kecederaan badan yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah seksyen ini berserta maklumat lengkap mengenai kejadian dan juga kecederaan sekiranya berlaku kematian atau dalam tempoh dua puluh satu hari (21) daripada tarikh kejadian jika kecederaan tersebut tidak mengakibatkan kematian. Semua laporan dan maklumat yang dikehendaki oleh Kami hendaklah diserahkan atas perbelanjaan Pengambil Insurans dan hendaklah dalam bentuk seperti yang ditetapkan oleh Kami. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah dari semasa ke semasa menjalani pemeriksaan kesihatan atas perbelanjaan Kami sebagaimana yang mungkin dikehendaki berkaitan dengan apa-apa tuntutan. Sekiranya berlaku kematian yang mungkin menimbulkan apa-apa keraguan munasabah mengenai punca kematian tersebut, maka pengamal perubatan berkeelayakan yang dilantik oleh Kami akan dibenarkan membuat pemeriksaan bedah siasat ke atas mayat Orang Yang Diinsuranskan atas perbelanjaan Kami.
4. Syarat Am 7 (Insurans Lain) tidak terpakai kepada seksyen ini.
5. Seksyen ini tidak boleh diserahkan hak dan pembayaran apa-apa manfaat di bawah seksyen ini akan hanya dibuat kepada Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadinya yang sah bagi Manfaat Kematian dan Manfaat Hilang Upaya Kekal dan kepada Pengambil Insurans bagi Manfaat Perbelanjaan Perubatan dan penerimaan manfaat oleh mereka ini akan merupakan pelepasan kepada Kami.

PENGECUALIAN SEKSYEN 1

1. Kami tidak akan membayar sebarang Pampasan di bawah Polisi ini yang berpunca atau disebabkan oleh/daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:
 - a) Apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang oleh Orang Yang Diinsuranskan atau pendedahan yang disengajakan kepada bahaya (melainkan dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia), membunuh diri atau cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan atau tidak siuman.
 - b) Rawatan perubatan atau pembedahan kecuali rawatan tersebut dianggap perlu akibat kecederaan badan seperti yang didefinisikan dalam skop seksyen ini.
 - c) Kesan atau pengaruh (sementara ataupun kekal) alkohol atau ketagihan dadah atau dadah yang tidak dipreskripsikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar, penyakit yang dijangkiti melalui hubungan seks, atau rawatan yang dalam apa jua cara pun timbul daripada, disebabkan oleh atau akibat daripada jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit, kecacatan kongenital atau tidak siuman atau keadaan yang berkaitan dengan gangguan fikiran.
 - d) Kehamilan, bersalin, keguguran atau pengguguran anak.
 - e) Sukan musim sejuk, pendakian batu, pendakian gunung (yang memerlukan penggunaan tali atau jurupandu), kembara gua, terjun udara, payung terjun, bola sepak, ragbi, hoki ais, polo, lumba berhalang, perburuan binatang liar, perburuan, apa-apa jenis perlumbaan selain berjalan kaki.
 - f) Menaiki penerbangan sebagai anak kapal atau di dalam mana-mana pesawat udara bagi tujuan apa-apa operasi perdagangan atau teknikal di dalamnya atau di atasnya, perjalanan udara melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam mana-mana pesawat udara berkuasa yang diiktiraf dan berlesen sewajarnya yang dibina untuk membawa penumpang.
 - g) Menunggang motosikal, skuter bermotor, basikal berenjin, basikal kayuh yang dibantu secara mekanikal (sama ada sebagai pemandu atau penumpang) untuk tujuan sosial, riadah, sukan, pameran, pertandingan atau apa-apa tujuan lain walau apa jenis sekalipun.
2. Kami tidak akan membayar bagi Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) yang pertama bagi setiap tuntutan di bawah Manfaat Perbelanjaan Perubatan.

SEKSYEN 2 – PERBELANJAAN PENGHANTARAN PULANG

Tertakluk kepada terma-terma seksyen ini, Kami akan menanggung rugi Pengambil Insurans bagi perbelanjaan penghantaran pulang (seperti didefinisikan di bawah) bagi jumlah yang tidak melebihi Ringgit Malaysia Empat Ribu (RM4,000) sekiranya dalam Tempoh Insurans Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan badan yang mengakibatkan kematian atau Hilang Upaya Kekal (seperti didefinisikan di bawah) daripada apa jua sebab dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar. Pembayaran apa-apa tuntutan sah di bawah seksyen ini akan dibuat secara pembayaran balik kos sebenar dan munasabah yang ditanggung semasa menghantar Orang Yang Diinsuranskan pulang ke negara asalnya.

DEFINISI SEKSYEN 2

Perbelanjaan penghantaran pulang dianggap sebagai caj munasabah yang ditanggung untuk:

1. Membawa Orang Yang Diinsuranskan ke negara asalnya akibat kecederaan badan atau penyakit yang mengakibatkan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.
2. Pengebumian atau pembakaran mayat Orang Yang Diinsuranskan di tempat berlakunya kematian dan/atau membawa mayat atau abu ke negara asal Orang Yang Diinsuranskan.

Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal bermaksud apa-apa bentuk hilang upaya kekal yang menyebabkan Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh melaksanakan tugas dan fungsi normal apa-apa jenis pekerjaan langsung seumur hidupnya secara berterusan dan tanpa henti bagi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan.

PENGECUALIAN SEKSYEN 2

Bayaran tidak akan dibuat di bawah seksyen ini sekiranya kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan itu disebabkan dengan sengaja secara langsung atau tidak langsung oleh keadaan tidak siuman, membunuh diri, kecederaan diri yang disengajakan atau apa-apa cubaannya atau jika disebabkan oleh Pengambil Insurans dengan sengaja.

SEKSYEN 3 – PERBELANJAAN HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN

Kami akan membayar kepada Pengambil Insurans perbelanjaan yang berkaitan dengan hospital, perubatan atau pembedahan, yuran dan caj rumah penjagaan dan kejururawatan yang perlu ditanggung sebagai pesakit dalam termasuklah semua kos ubat-ubatan dan penggunaan kelengkapan diagnosis serta rawatan pesakit luar kemudiannya yang berkaitan dengan kemasukan ke hospital sahaja yang perlu ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan yang namanya dinyatakan dalam Jadual dengan syarat perbelanjaan tersebut ditanggung di Malaysia.

Dengan syarat:

1. Perbelanjaan itu ditanggung berkaitan dengan rawatan atau perkhidmatan yang dijalankan dan disyorkan oleh hospital kerajaan yang berlesen hanya pada kadar Kelas 3 biasa atau Kelas 2 sekiranya tiada Wad Kelas 3.

2. Perbelanjaan disebabkan oleh penyakit atau sakit yang sedia ada atau kecederaan badan akibat kemalangan yang dialami dan ditanggung dalam Tempoh Insurans berhubung dengan Orang Yang Diinsuranskan.
3. Serangan berulang, gejala atau komplikasi yang timbul daripada punca yang sama akan dianggap sebagai satu penyakit atau kecederaan badan.
4. Liabiliti Kami bagi Tempoh Insurans tidak akan melebihi Had Liabiliti yang ditetapkan dalam Jadual.

PENGECUALIAN SEKSYEN 3

Kami tidak akan membayar sebarang Pampasan di bawah Polisi ini yang berpunca atau disebabkan oleh/daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:

1. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh bermulanya Polisi ini.
2. Apa-apa rawatan atau perkhidmatan untuk hilang upaya yang ditanggung yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh penyakit atau kecederaan sedia ada [dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama perlindungan yang berterusan].
3. Peralatan perubatan kekal, apa-apa jenis rawatan kosmetik atau kecantikan atau rawatan yang dijalankan sebagai langkah pencegahan termasuklah vaksinasi atau inokulasi.
4. Perbelanjaan perubatan yang dapat diperoleh semula di bawah apa-apa Skim Insurans kerajaan atau di bawah Akta Pampasan Pekerjaan atau Akta atau Ordinan seumpamanya.
5. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung akibat daripada, boleh dikesan daripada atau dipercepat oleh:
 - a) Kehamilan, bersalin, keguguran atau pengguguran anak.
 - b) Apa jua jenis rawatan pergigian atau rawatan mata tanpa pembedahan melainkan perlu dilakukan disebabkan kecederaan badan akibat kemalangan.
 - c) Apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang oleh Orang Yang Diinsuranskan atau pendedahan yang disengajakan kepada bahaya (melainkan dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia), membunuh diri atau cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan.
 - d) Kesan atau pengaruh (sementara ataupun kekal) alkohol atau dadah yang tidak dipreskripsikan oleh pengamal perubatan berkeelayakan, kecederaan diri yang disengajakan dan penyakit yang dijangkiti melalui hubungan seks, atau rawatan yang dalam apa jua cara pun timbul daripada, disebabkan oleh atau akibat daripada jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit, kecacatan kongenital atau tidak siuman atau keadaan yang berkaitan dengan gangguan fikiran, rehat pulih atau jagaan sanatorium.
 - e) Orang Yang Diinsuranskan terlibat dalam sukan musim sejuk, pendakian batu, pendakian gunung (yang memerlukan penggunaan tali atau jurupandu), kembang gua, terjun udara, payung terjun, perburuan atau apa jua jenis perlumbaan selain berjalan kaki dan pekerjaan berbahaya seumpamanya.
 - f) Menaiki penerbangan sebagai anak kapal atau di dalam mana-mana pesawat udara bagi tujuan apa-apa operasi perdagangan atau teknikal di dalamnya atau di atasnya atau perjalanan udara melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat udara berkuasa yang diiktiraf dan berlesen sewajarnya yang dibina untuk membawa penumpang.

SEKSYEN 4 – MANFAAT MINGGUAN

Tertakluk kepada terma-terma seksyen ini, Kami akan memberikan pampasan kepada majikan untuk Manfaat Mingguan sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Lima (RM105) seminggu sekiranya Orang Yang Diinsuranskan, akibat kecederaan badan atau penyakit, dimasukkan ke hospital atau berehat untuk sembuh di rumah seperti yang dipreskripsikan oleh doktor untuk tempoh tidak kurang daripada satu (1) minggu. Liabiliti Kami di bawah seksyen ini terhad kepada jumlah keseluruhan sepuluh (10) minggu.

PENGECUALIAN SEKSYEN 5

Kami tidak akan membayar sebarang Pampasan di bawah Polisi ini yang berpunca atau disebabkan oleh/daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:

1. Apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang oleh Orang Yang Diinsuranskan atau pendedahan yang disengajakan kepada bahaya (melainkan dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia), membunuh diri atau cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang Disengajakan.
2. Apa-apa tempoh yang melebihi sepuluh (10) minggu.
3. Kesan atau pengaruh (sementara ataupun kekal) alkohol atau ketagihan dadah atau dadah yang tidak dipreskripsikan oleh pengamal perubatan kesan atau pengaruh (sementara ataupun kekal) alkohol atau ketagihan dadah atau dadah yang tidak dipreskripsikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar, penyakit yang dijangkiti melalui hubungan seks, atau rawatan yang dalam apa jua cara pun timbul daripada, disebabkan oleh atau akibat daripada Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit, kecacatan kongenital atau tidak siuman atau keadaan yang berkaitan dengan gangguan fikiran, rehat pulih atau jagaan sanatorium.
4. Kehamilan, bersalin, keguguran atau pengguguran anak.

PENGECUALIAN AM

Kami tidak akan membayar sebarang Pampasan di bawah Polisi ini yang berpunca atau disebabkan oleh/daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:

1. Apa-apa tindakan untuk pampasan yang dimulakan oleh mana-mana Mahkamah Undang-undang di mana-mana wilayah di luar Malaysia.
2. Kecederaan badan akibat kemalangan atau penyakit yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berlaku melalui atau akibat daripada:
 - a) Perang, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penderhakaan, pemberontakan, revolusi, kebangkitan semula atau kuasa tentera atau kuasa rampasan.
 - b) Apa-apa tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana pertubuhan dengan aktiviti ke arah menggulingkan mana-mana Kerajaan de jure atau de facto secara kekerasan atau mempengaruhinya melalui keganasan atau kekejaman. Bagi tujuan ini, tindakan keganasan bermakna tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau kekejaman dan/atau ugutan daripadanya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan seumpamanya termasuklah niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menimbulkan ketakutan di kalangan orang ramai atau mana-mana kumpulan orang ramai.
3. Apa-apa kecederaan badan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul daripada atau akibat daripada:

- a) Pengionan, sinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan Pengecualian ini, pembakaran akan termasuk apa-apa proses pembelahan nukleus yang berlaku dengan sendirinya.
 - b) Bahan senjata nuklear.
4. Apa jua jenis kerugian turutan atau kerosakan turutan.
 5. Tindakan sengaja atau kecuaiian sengaja oleh Pengambil Insurans/Orang Yang Diinsuranskan atau wakilnya.
 6. Apa-apa kerugian jika Orang Yang Diinsuranskan melanggar mana-mana Undang-undang Malaysia.
 7. Apa-apa kerugian jika Orang Yang Diinsuranskan mencapai umur 65 tahun dalam Tempoh Insurans.
 8. Apa-apa kecederaan badan yang secara langsung atau tidak langsung timbul daripada atau akibat daripada Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan dengan AIDS (ARC) walau dengan apa cara sekali pun sindrom ini diperoleh atau mungkin dinamakan.
 9. Apa jua liabiliti sebenar atau liabiliti yang dikatakan timbul bagi apa-apa tuntutan berkaitan dengan kerugian yang secara langsung atau tidak langsung timbul daripada, akibat daripada, disebabkan oleh atau diburukkan oleh asbestos dalam apa jua bentuk atau kuantiti.
 10. Penyakit Berjangkit atau kebimbangan atau ancaman (sama ada sebenar atau dianggap) sesuatu Penyakit Berjangkit.
 11. Kehamilan, bersalin, keguguran atau pengguguran anak.

SYARAT AM

1. DEFINISI

Tempoh Insurans bermaksud tempoh yang ditetapkan dalam Jadual dan dalam tempoh ini Orang Yang Diinsuranskan bekerja dengan Pengambil Insurans atau sehingga tamatnya permit kerja, mengikut mana-mana yang lebih awal tetapi tidak termasuk tempoh apabila Orang Yang Diinsuranskan kembali ke negara asalnya. Perlindungan tamat sebaik sahaja dia meninggalkan Malaysia dan berkuat kuasa semula apabila dia kembali ke Malaysia. Batasan wilayah bagi Polisi ini adalah di dalam Malaysia sahaja.

2. TAFSIRAN

Polisi ini dan Jadual hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak dan mana-mana perkataan atau ungkapan yang telah diberikan makna tertentu dalam mana-mana bahagian Polisi ini atau Jadual akan membawa makna tersebut di mana sahaja ia digunakan.

3. PEMATUHAN

Liabiliti Kami tertakluk kepada pematuhan terma-terma Polisi ini oleh Pengambil Insurans dan Orang Yang Diinsuranskan.

4. TINDAKAN MENCEGAH

Pengambil Insurans dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk mencegah kemalangan dan penyakit.

5. PERUBAHAN

Polisi ini hendaklah tamat berkuat kuasa jika ada oleh mana-mana perubahan yang material dalam risiko melainkan Kami melalui endorsemen mengisytiharkan insurans tersebut diteruskan.

6. SYARAT TUNTUTAN

a) Pemberitahuan Kemalangan

Semua tuntutan hendaklah dibuat oleh Anda atau melalui Anda atau wakil sah Anda, kepada Kami dalam masa tiga puluh (30) hari dari apa-apa kecederaan yang boleh menyebabkan tuntutan di bawah Polisi ini.

b) Dokumentasi

Semua laporan perubatan, Polisi, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Kami untuk menyokong tuntutan, perlu disediakan atas perbelanjaan Anda atau atas perbelanjaan mana-mana pihak menuntut dalam hal kematian Anda. Anda mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut yang diperlukan oleh Kami atas perbelanjaan Kami. Sekiranya berlaku tuntutan kerana kematian Orang Yang Diinsuranskan, Kami memerlukan sijil kematian dan mungkin memerlukan pemeriksaan bedah siasat atas perbelanjaan Anda.

Tuntutan tidak dianggap lengkap dan manfaat-manfaat yang layak tidak akan dibayar kecuali semua laporan perubatan, Polisi, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Kami telah dikemukakan kepada Kami. Dalam kes tuntutan untuk manfaat yang berkaitan dengan pembayaran balik perubatan, hanya kos sebenar yang ditanggung, yang perlu dari segi perubatan, boleh dipertimbangkan untuk pembayaran balik tertakluk kepada penyerahan resit asal.

c) Penyelesaian Tuntutan

- i) Kami akan membayar apa-apa manfaat kena dibayar di bawah Polisi ini kepada Anda atau sekiranya berlaku Kematian, kepada penama Anda atau pelaksana undang-undang atau pentadbir mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
- ii) pembayaran tuntutan di bawah Polisi ini adalah bergantung kepada pematuhan terma dan syaratnya oleh Anda, dan setakat mana ia terpakai, oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak menuntut yang lain.
- iii) jika berlaku kemalangan yang menimbulkan suatu tuntutan di mana Kami membuat bayaran di bawah Kematian atau Hilang Upaya Kekal seperti yang dinyatakan dalam Polisi ini, Polisi ini selepas itu hendaklah tamat, diguna pakai kepada Anda.

7. INSURANS LAIN

Sekiranya pada masa berlakunya apa-apa kecederaan badan atau liabiliti yang diinsuranskan dalam Polisi ini terdapat apa-apa insurans lain yang berkuat kuasa sama ada yang diambil oleh Pengambil Insurans atau oleh mana-mana orang lain yang melindungi kecederaan badan atau liabiliti tersebut, maka Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbangkan lebih banyak daripada bahagian kadarannya bagi kecederaan badan atau liabiliti tersebut.

8. FAEDAH DAN MATAWANG

Semua bayaran di bawah Polisi ini perlu dibayar dalam Ringgit Malaysia (RM).

9. PENAMATAN POLISI

a) Penamatan oleh Anda

Sekiranya Anda memberi notis secara bertulis kepada Kami untuk menamatkan Polisi ini, penamatan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh notis tersebut diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis, mana-mana yang terkemudian. Kami akan membayar balik

bagian premium yang belum tamat Tempoh Insurans secara pro-rata, dengan syarat tiada tuntutan telah dikemukakan kepada Kami dalam Tempoh Insurans tersebut.

b) Penamatan Polisi Secara Automatik

Polisi ini akan tamat:

- i) Selepas Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia;
- ii) Apabila kontrak pekerjaan tamat antara Pengambil Insurans dan Orang Yang Diinsuranskan yang namanya dinyatakan dalam Jadual; atau
- iii) Dari tarikh Surat Pelepasan Jabatan Imigresen yang akan dianggap sebagai membatalkan Polisi ini, mana-mana yang terdahulu.

c) Penamatan Oleh Kami

Kami berhak untuk memberi notis penamatan (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) melalui pos berdaftar kepada Anda di alamat Anda yang terakhir atau melalui mel elektronik. Penamatan tersebut akan berkuatkuasa selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh notis. Kami akan membayar balik bahagian premium yang belum tamat Tempoh Insurans secara pro-rata, dengan syarat tiada tuntutan telah dikemukakan kepada Kami dalam Tempoh Insurans tersebut.

d) Penamatan Berkuatkuasa

Polisi ini akan tamat pada 12:01 pagi waktu Malaysia pada tarikh penamatan berkenaan.

10. SUBROGASI

Sekiranya berlaku sesuatu tuntutan, Kami berhak untuk melaksanakan pengendalian, kawalan dan penyelesaian mutlak apa-apa prosiding atas nama dan bagi pihak Pengambil Insurans dan/atau Orang Yang Diinsuranskan, dan untuk memulakan prosiding atas perbelanjaannya sendiri dan untuk manfaatnya sendiri tetapi atas nama Pengambil Insurans dan/atau Orang Yang Diinsuranskan bagi mendapatkan semula pampasan atau mendapatkan tanggung rugi daripada mana-mana pihak ketiga berkaitan dengan apa-apa perkara yang dilindungi oleh Polisi ini.

11. TIMBANG TARA

Semua perselisihan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada penimbang tara yang akan dilantik oleh kedua-dua pihak, atau jika mereka tidak bersetuju dengan seorang penimbang tara, kepada keputusan dua orang penimbang tara, seseorang akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak, dan sekiranya kedua-dua penimbang tara tidak dapat mencapai persetujuan sesama mereka, kepada keputusan wasit yang sepatutnya telah dilantik secara bertulis oleh penimbang tara tersebut sebelum memulakan rujukan dan award yang dibuat itu akan menjadi prasyarat kepada apa-apa liabiliti Kami atau apa-apa hak tindakan ke atas Kami.

12. TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Adalah menjadi asas dan syarat khas mutlak bagi Polisi ini bahawa premium penuh perlu dibayar dan diterima oleh pihak Kami sebelum perlindungan insurans di bawah Polisi ini, Endorsemen atau Pembaharuan, yang mana bekemungkinan boleh bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, Polisi ini akan terbatal dan tidak sah secara automatik.

Selainnya tertakluk kepada terma-terma dan syarat Polisi ini.

13. KLAUSA HAD SEKATAN

Polisi ini tidak akan memberikan perlindungan dan Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah Polisi ini terhadap peruntukan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat sedemikian akan mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau halangan di bawah Akta Sekatan Komprehensif Iran, Pelepasan dan Akuntabiliti (CISAD) atau Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan ekonomi atau perdagangan, undang-undang atau peraturan-peraturan daripada Kesatuan Eropah atau United Kingdom.

14. HAK UNTUK MENAMATKAN KERANA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

Jika Kami mengetahui, atau mengesyaki bahawa, Polisi ini dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Polisi ini dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua Premium yang dibayar dan semua manfaat atau jumlah yang dibayar berkenaan dengan Polisi ini melalui apa-apa cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.

15. PENAMAAN

Anda boleh menamakan seseorang untuk menerima wang Polisi yang dibayar di bawah Polisi ini.

- i) Bagi Muslim, Penama hendaklah mengagihkan manfaat seperti yang dinyatakan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 mengikut Undang-undang Islam dan/atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan.
- ii) Untuk Bukan Islam, Penama akan bertindak sebagai wasi untuk mengagihkan manfaat seperti yang dinyatakan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan/atau undang-undang lain yang terpakai.

Jika Anda ingin Penama Anda menerima wang Polisi tersebut bagi manfaat sendiri dan bukan sebagai wasi untuk mengagihkan wang Polisi itu mengikut undang-undang, maka Anda perlu menyerahkan hak Polisi ini kepada Penama anda.

Bagi Orang Bukan Beragama Islam, penyerahan hak tidak perlu jika Penama adalah pasangan Anda, anak atau ibu bapa Anda (jika tiada pasangan atau anak yang hidup pada masa penamaan), memandangkan satu tabung amanah diwujudkan atas nama mereka. Pemilik Polisi hendaklah melantik pemegang amanah untuk wang Polisi tersebut dan sekiranya gagal berbuat demikian, Penama yang layak atau jika Penama tidak layak berkontrak, ibu bapa bagi Penama tidak layak selain daripada Anda, yang mana tiada ibu bapa yang masih hidup, pemegang amanah raya atau syarikat amanah yang dinamakan oleh Anda, hendaklah menjadi pemegang amanah.

Pada masa tuntutan, jika mana-mana Penama telah meninggal dunia (dengan syarat tiada perubahan penamaan berikutnya semasa hayat Anda), peratusan (%) bagi Penama yang telah meninggal dunia itu akan diagihkan sama rata antara Penama yang masih hidup, yang kemudiannya akan bertindak sebagai wasi untuk mengagihkan hasil.

16. PERUBAHAN KEPADA PERCUKAIAN, PERATURAN DAN PERUNDANGAN

Kami boleh mengubah terma-terma dalam Polisi ini jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjejaskan Polisi ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Polisi ini perlu diubah.

17. PENYAKIT BERJANGKIT

Penyakit Berjangkit bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisma lain yang mana:

- a) bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak,
- c) cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cara jangkitan bawaan udara, cara jangkitan cecair badan, cara jangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan

- d) penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta yang dilindungi di bawah ini.

KENYATAAN MAKLUMAT POLISI

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila beritahu Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:
Etiqa General Insurance Berhad
Level 13, Tower B, Dataran
Maybank No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etiqa Oneline: 1300 13 8888 E-mel:
info@etiqa.com.my Laman Web:
www.etiqa.com.my
3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Polisi ini, sila hubungi Bantuan Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapati perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan
Etiqa General Insurance Berhad
Level 6, Tower B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)
Nombor Faksimile: +603 2297 1919
E-mel: complaint_cmu@etiqa.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi, Nasihat & Khidmat (BNMLINK) juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada ahli di kalangan orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA OPK

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan, sekiranya Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan tidak berpuas hati dengan keputusan Etiqa General Insurance Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etiqa General Insurance Berhad untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:

E-mel: enquiry@ofs.org.my
atau
Nombor Faksimile: +603 2272 1577
atau
Alamat Pos:
Ketua Pegawai Eksekutif
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK.

OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etiqa General Insurance Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan.

Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Etiqa General Insurance Berhad atau layari laman web OPK di www.ofs.org.my.

Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 126 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Orang Yang Diinsuranskan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etiqa General Insurance Berhad sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BNMLINK

Mana-mana Orang Yang Diinsuranskan atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian oleh sesebuah Syarikat Insurans boleh menulis kepada BNMLINK dengan memberikan butiran tentang aduan, nama Syarikat Insurans dan nombor Polisi atau nombor tuntutan.

Salinan surat-menyurat (sekiranya ada) antara Orang Yang Diinsuranskan atau Pihak Menuntut dan Syarikat Insurans juga boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Syarikat Insurans.

Alamat surat menyurat adalah seperti berikut:

Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: 1300 88 5465
Nombor Faksimile: +603 2174 1515
E-mel: bnmlink@bnm.gov.my